



KOPI PAHIT

Special dari Mekah

◦ Kerajaan Indonesia telah menghantarkan orang-orangnya yang bertugas menyelenggara, memandu dan sebagainya untuk para jemaah hajinya seramai 387 orang dengan memakan belanja sebanyak 287,000 Riyal Saudi lebih. Para jemaah haji dari Indonesia tahun ini 16,000 orang. Orang-orang haji dari Malaysia ada seramai 6,000 orang lebih, dan rombongan yang ditugaskan untuk mengawal mereka hanya . . . Sekali lagi hanya 42 orang – termasuk seorang Pesuruhjaya Haji dan seorang keraninya yang dibantu oleh tiga orang Pegawai Penerangan – Cubalah banding! . . . Begitulah halnya dengan Islam agama rasmi di negeri kita!

* * *

*Kesan Malaysia menyebelahi India – yang agama rasmi negaranya Hindu. Sedang Malaysia mengaku agama rasmi negaranya ialah Islam – terasa benar oleh orang-orang yang melawat ke negeri-negeri Islam. Mereka dicemuh oleh saudara-saudara mereka orang-orang Islam di mana pun mereka berada: Apa lg i kalau mereka singgah di Pakistan.

Beginilah nasib suatu umat yang agama rasmi negaranya Islam. Kalau ketua negaranya nampaknya masih gemar bersikap lemah lembut kepada kemahuan saudara-saudara kita. ¹

* * *

¹ Bermaksud sebal hati, sesuatu keraguan/pertanyaan yang bermain-main di minda- Dewan Bahasa dan Pustaka.

◦ Ada seorang Pegawai Penerangan Haji Malaysia

yang mencemuh orang-orang haji Indonesia kerana mereka menjual kain dan tilam mereka. Nampaknya beliau mencemuh dengan tidak usul periksa lagi, kerana mereka itu menjual bukannya bermakna yang mereka itu kekurangan belanja. Mereka diberi tilam termasuk daripada bayaran yang sudah mereka bayar di tanah air mereka. Bayaran tambang kereta, bayaran jamuan, shaykh bukan mereka yang membayarnya, tetapi dibayar oleh kedutaan mereka.

Wang tangan bagi seseorang haji mereka sebanyak 700 Riyal, ini selain daripada diberi beras dan perbekalan lainnya. Mana lebih baik dengan Malaysia yang hanya membenarkan setiap jemaah hajinya membawa wang perbelanjaan seribu Riyal, tetapi pembayaran yang dikehendaki dipotong daripadanya 520 Riyal? Berhati-hati bung – kerana banyak orang Indonesia yang balik beli barang-barang kemas yang tentunya tak nampak oleh Pegawai Penerangan Malaysia itu.

* * *

◦ Hari pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri

Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong telah dirayakan oleh pihak kedutaan Malaysia di Saudi Arabia. Kedutaan Malaysia di Jeddah telah mengadakan satu majlis jamuan; tetapi untuk orang-orang atasan sahaja. Untuk rakyat Malaysia yang berada di Makkah kok bagaimana? Jawapan yang tepat tentu dari kedutaan Malaysia sendiri, supaya termengkelan¹ rakyat-rakyat di luar negeri hapus!

Cemeti al-Farouk.